

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah penguatkuasaan terhadap para peminjam pinjaman latihan kemahiran di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan adakah program ini masih diteruskan untuk melahirkan tenaga mahir di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas peminjam yang ingkar membayar balik pinjaman sejak tahun 2010.
2. Sehingga 30 September 2019, sebanyak 27,612 *Letter of Demand* (LOD) dan 10,753 tindakan Saman telah dikeluarkan kepada peminjam dan penjamin yang ingkar membuat bayaran balik Pinjaman Latihan Kemahiran. Daripada tindakan tersebut, sebanyak RM27.88 juta kutipan bayaran balik berjaya dikutip. Tindakan penguatkuasaan ini akan terus dilaksanakan pada masa hadapan.
3. Kesimpulannya, bayaran balik Pinjaman Latihan Kemahiran ini merupakan elemen penting dan ianya adalah salah satu fungsi Perbadanan bagi meneruskan hasrat Kerajaan untuk memberikan Pinjaman Latihan Kemahiran secara berterusan kepada pelatih yang layak bagi meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir negara pada masa hadapan.